



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية العالمية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

*Program*

# TAMHIDI

**PROGRAM PENGAJIAN  
DAN SYARAT KEMASUKAN**



[www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)

## PENGENALAN

**PUSAT TAMHIDI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA** telah ditubuhkan pada tahun 2004 untuk menyediakan pelajar bagi kemasukan ke program sarjana muda di USIM dalam bidang-bidang kompetitif. Calon bagi program ini adalah daripada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang memenuhi syarat-syarat kemasukan dan memperolehi keputusan yang cemerlang.

Proses pengambilan calon ke program ini adalah menerusi Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di mana pengambilan calon adalah dalam sekitar bulan Mei setiap tahun.

Pemohonan kemasukan ke program ini perlu dibuat melalui Aplikasi Dalam Talian di halaman <http://upu.mohe.gov.my>

### **SYARAT AM KEMASUKAN KE PROGRAM TAMHIDI USIM (UNTUK SEMUA PROGRAM)**

1. Warganegara Malaysia.
2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengannya.
3. Kepujian (**Gred C**) dalam Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia
4. Kepujian (**Gred C**) dalam Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi
5. Kepujian (**Gred C**) dalam Dua (2) mata pelajaran berikut :-
  - Pendidikan Islam / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Quran dan Sunnah / Tasawwur Islam

## PROGRAM TAMHIDI

Pelajar lepasan SPM yang diterima masuk ke program yang ditawarkan di Pusat Tamhidi USIM akan ditempatkan di Kampus Tetap USIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus untuk tempoh dua (2) semester. Lulusan program ini berpeluang melanjutkan pengajian mereka di peringkat Sarjana Muda sebagaimana berikut :

Program	Fakulti	Program yang akan ditawarkan di peringkat Sarjana Muda
Tamhidi Syariah dan Undang-Undang	Fakulti Syariah dan Undang-Undang	1. Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dengan Kepujian
Tamhidi Perakaunan dan Muamalat	Fakulti Ekonomi Dan Muamalat	1. Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian 2. Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian 3. Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian 4. Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dan Hubungan dengan Kepujian
Tamhidi Sains dan Teknologi	Fakulti Sains dan Teknologi	1. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) 2. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko) 3. Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat) 4. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Matematik Kewangan) 5. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan) 6. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri)
Tamhidi Perubatan	Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan	1. Sarjana Muda Perubatan dan Bedah dengan Kepujian
Tamhidi Pergigian	Fakulti Pergigian	1. Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dengan Kepujian

Secara umumnya lulusan Tamhidi USIM hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.00 dan lulus dalam semua kursus yang wajib diambil untuk membolehkan mereka melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda. Selain itu, pelajar yang berminat untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dengan kepujian perlu mendapat MUET Band 4 dan bagi program Sarjana Muda Perubatan dan Bedah dengan Kepujian serta Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dengan Kepujian memerlukan kelulusan MUET band 3.


**Kod Q0601**

**TAMHIDI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG**

(2 Semester)

Terbuka kepada Kategori A : ALIRAN SAINS DAN SASTERA

1. Memperolehi sekurang-kurangnya **Gred B** dalam mata pelajaran berikut :-
  - Bahasa Inggeris
  - Bahasa Arab Tinggi / Bahasa Arab Komunikasi
2. Memperolehi sekurang-kurangnya **Gred C** dalam Dua (2) mata pelajaran berikut :-
  - Pendidikan Islam / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Quran dan Sunnah / Tasawwur Islam
3. Memperolehi Kepujian **Gred C** dalam mata pelajaran Matematik atau Matematik Tambahan
4. Memperolehi Kepujian **Gred C** dalam mana-mana Satu (1) mata pelajaran yang lain.





## Kod Q0210

### TAMHIDI PERAKAUNAN DAN MUAMALAT

(2 Semester)

Terbuka kepada Kategori A : ALIRAN SAINS DAN SASTERA

1. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi
2. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam Dua (2) mata pelajaran berikut :-
  - Pendidikan Islam / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Quran dan Sunnah / Tasawwur Islam
3. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam mata pelajaran berikut :-
  - Prinsip Akaun / Ekonomi Asas / Perdagangan
  - Matematik / Matematik Tambahan
  - Bahasa Inggeris
  - Mana-mana Dua (2) mata pelajaran lain

## Kod Q0800

### TAMHIDI SAINS DAN TEKNOLOGI

(2 Semester)

Terbuka kepada Kategori A : ALIRAN SAINS

1. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi
2. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam Dua (2) mata pelajaran berikut :-
  - Pendidikan Islam / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Quran dan Sunnah / Tasawwur Islam
3. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam mata pelajaran berikut :
  - Fizik
  - Kimia
  - Biologi
  - Matematik
  - Matematik Tambahan
  - Bahasa Inggeris

**Kod Q0080**

**TAMHIDI PERUBATAN**

(2 Semester)

Terbuka kepada Kategori A : ALIRAN SAINS

1. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi
2. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam Dua (2) mata pelajaran berikut :-
  - Pendidikan Islam / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Quran dan Sunnah / Tasawwur Islam
3. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam mata pelajaran berikut :-
  - Fizik
  - Kimia
  - Biologi
  - Matematik
  - Matematik Tambahan
  - Bahasa Inggeris

**Kod Q0070**

**TAMHIDI PERGIGIAN**

(2 Semester)

Terbuka kepada Kategori A : ALIRAN SAINS

1. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab Komunikasi
2. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam Dua (2) mata pelajaran berikut :-
  - Pendidikan Islam / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Quran dan Sunnah / Tasawwur Islam
3. Memperolehi Kepujian (**Gred C**) dalam mata pelajaran berikut :-
  - Fizik
  - Kimia
  - Biologi
  - Matematik
  - Matematik Tambahan
  - Bahasa Inggeris



Untuk maklumat lanjut sila hubungi :

**PUSAT TAMHIDI**  
**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
71800 Bandar Baru Nilai,  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Laman Web : [www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)  
Tel : 06-798 7019 Faks : 06-798 7068